

JAWAPAN



Makanan Halal Lagi Baik

1. Wahai manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya, syaitan itu musuh kamu yang nyata

2. (a) Makanan yang dibenarkan oleh syarak
(b) Makanan yang dilarang oleh syarak

3. (a) Doa tidak mustajab
(b) Kasar peribadi
(c) Mendapat penyakit
(d) Hati menjadi keras

4.

Aspek	Makanan halal	Makanan haram
(a) Bahan	Bahan yang halal dimakan	Bahan yang haram dimakan
(b) Proses	Disembelih mengikut hukum syarak	Tidak disembelih mengikut hukum syarak
(c) Kandungan	Bebas daripada najis dan kotoran	Bercampur dengan najis dan kotoran
(d) Kebersihan	Disimpan di tempat yang suci	Disimpan di tempat yang bernajis
(e) Kesihatan	Bebas daripada racun dan perkara yang menjejaskan kesihatan	Mengandungi racun dan sesuatu yang memudaratkan kesihatan

5. (a) Kita wajib mengambil makanan yang halal kerana akan memberi kesan yang baik terhadap kesihatan jasmani, kecerdasan minda dan kejernihan hati
(b) Kita perlu menjadi usahawan dalam bidang industri makanan supaya dapat menjamin makanan yang halal serta kualiti makanan yang bersih

(c) Kita hendaklah prihatin terhadap aspek pengeluaran makanan yang menepati hukum syarak dan mematuhi piawaian kesihatan

6. Aktiviti murid

POWER PT3

1. (a) (i) badan
(ii) berkhasiat
(iii) ramuan
(iv) disembelih
(b) Susah menerima ilmu menyebabkannya sukar untuk melakukan ibadat.
(c) Pembaziran makanan masih berlaku kerana mereka tidak menghargai kelebihan yang mereka ada apatah lagi menghayati kesusahan orang lain yang kelaparan dan kebuluran.

POWER KBAT

1. Pengambilan makanan yang halal seperti makanan yang bersih, binatang yang disembelih dengan nama Allah SWT dan sebagainya dapat menjadikan seseorang itu sihat jasmani, bersih rohani dan cerdas akal. Kebersihan rohani tersebut akan menjernihkan hati seterusnya akan mendatangkan khusyuk kepada seseorang dalam beribadat kepada Allah.
2. Pemakanan seimbang, iaitu mengamalkan pemakanan yang mengikut piramid makanan seperti melebihi makanan berprotein, mengurangkan makanan berlemak dan sebagainya. Hal ini dapat menjadikan seseorang itu kuat dan sihat tubuh badan seterusnya dapat beribadat kepada Allah dengan sejahtera.
3. Saya akan melihat maklumat yang ada pada pembungkus makanan seperti bahan-bahan yang digunakan dan tarikh luput. Oleh itu, saya dapat mengelakkan daripada membeli makanan yang haram atau rosak. Jelasnya, umat Islam perlu sentiasa berhati-hati dalam soal makanan bagi mendapat keredaan Allah.